

**PELAKSANAAN DASAR BERTERASKAN ISLAM DI  
ERA KEPIMPINAN TUN MAHATHIR MOHAMAD  
(1981-2003)**



**NOR AQILAH BINTI MOHD RUALI**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**PELAKSANAAN DASAR BERTERASKAN ISLAM DI  
ERA KEPIMPINAN TUN MAHATHIR MOHAMAD  
(1981-2003)**

**NOR AQILAH BINTI MOHD RUALI**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA  
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN  
KEMANUSIAAN  
2022**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Biografi Pelaksanaan Dasar Berteraskan Islam Di Era Tun Mahathir Mohamad (1981 – 2003), ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 OGOS 2022

*Aqilahruali*

(NOR AQILAH BINTI MOHD RUALI)

BA19110466



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN


JUDUL : **PELAKSANAAN DASAR BERTERASKAN ISLAM DI ERA  
KEPIMPINAN TUN MAHATHIR MOHAMAD (1981-2003)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NOR AQILAH BINTI MOHD RUALI** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :



SULIT

TERHAD

/

TIDAK  
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,

*Aqilahruali*

(NOR AQILAH BINTI MOHD RUALI)  
BA19110466

*Shaukhi*

(DR. MOHAMAD SHAUKHI MD. RADZI)  
PENYELIA

TARIKH : 12 OGOS 2022

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah pertama sekali saya panjatkan syukur kepada Allah S.W.T atas limpah kurnia, rahmat dan kasih sayangnya, maka kajian dan penulisan tesis ini mampu diselesaikan dan dilengkapkan. Sesungguhnya tiada daya dan upaya melainkan daripada pertolongan daripada Allah S.W.T.

Setinggi - tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ibu bapa saya, yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan serta motivasi kepada saya, untuk menyiapkan penulisan ini. Ibu bapa saya merupakan tulang belakang kepada saya, dan sentiasa bersama saya sepanjang saya mempersiapkan penulisan ini. Keduanya saya turut berterima kasih kepada pihak pensyarah saya iaitu Dr. Shaukhi, kerana banyak membantu saya menyiapkan penulisan ini dalam bentuk teguran dan nasihat. Namun tidak dilupakan juga ucapan terima kasih saya, kepada rakan - rakan seperjuangan yang lain, yang turut bersama dalam memberikan kata - kata semangat dan sokongan. Sememangnya semangat adalah kata kunci kepada kejayaan penghasilan penulisan ini.

NOR AQILAH BINTI MOHD RUALI

5 OOGOS 2022

## ABSTRAK

Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang insan dan pemimpin yang mempunyai rekod yang lama menjadi seorang Perdana Menteri dan merangkap sebagai ketua kerajaan Malaysia. Rekod pentadbiran selama 22 tahun dalam pemerintahan adalah rekod yang sangat lama, justeru sepanjang tempoh pemerintahan Tun Mahathir banyak bergelut dengan masalah dan isu dalam dan luar negara. Hakikatnya permasalahan dan isu tersebut memberikan idea dan pemikiran baharu Tun Mahathir untuk merangka sebuah perancangan dan pelaksanaan dasar yang membantu dan mengatasi isu dan permasalahan yang timbul. Meskipun Tun Mahathir dikategorikan sebagai pemimpin yang sekular, hakikatnya pandangan tersebut perlu ditapis dengan meletakkan beberapa usaha yang dibawakan oleh Tun Mahathir, melalui dasar - dasar yang diwujudkan yang mempunyai nilai dan penerapan Islam.

**Kata kunci :** Tun Mahathir, Pemimpin, Dasar, Islam, Pentadbiran.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **IMPLEMENTATION OF ISLAMIC – BASED POLICIES DURING TUN MAHATHIR MOHAMAD ERA (1981 – 2003)**

Tun Dr Mahathir Mohamad is a human being and leader who has long record of being both Prime Minister and head of Malaysian government. The administrative record of 22 years in government is a very long record, therefore throughout the period of Tun Mahathir rule he struggled with many problem and issues in the country and abroad. The fact is that issue gave Tun Mahathir new idea and thought to formulate a plan and implement policies that help and overcome the issue and problem that arise. Although Tun Mahathir categorized as a secular leader, the fact is that this view needs to be filtered by putting some effort brought by Tun Mahathir, through the policies created that have the values and application of Islam.

**Keywords:** Tun Mahathir, Leader, Policy, Islam, Administration.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI FOTO</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	8
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Sorotan Literatur	11
1.7 Skop Kajian	16
1.8 Metod Kajian	16
1.9 Pembahagian Bab	16
1.10 Kesimpulan	18
<b>BAB 2 : LATAR BELAKANG TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD &amp; CIRI-CIRI KEPIMPINAN ISLAM</b>	
2.1 Biodata Tun Dr Mahathir Mohamad	
2.2.1 Latar Belakang Kehidupan Tun Dr Mahathir	19
2.2.2 Pendidikan Tun Mahathir	20
2.2.3 Perjalanan Politik Tun Mahathir Mohamad	23
2.2.4 Sumbangan Tun Mahathir Secara Umum	26
2.2.5 Pembentukan falsafah dan Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad	31



2.3 Malaysia Sebagai Negara Islam	34
2.4 Teori Kempimpinan Islam dan Ciri Kempimpinan Islam	36
2.5 Kesimpulan	37

### **BAB 3 : PELAKSANAAN DASAR-DASAR ISLAM & FAKTOR**

#### **PELAKSANAAN DASAR ISLAM OLEH TUN MAHATHIR**

3.1 Pelaksanaan Dasar - Dasar Islam Semasa Kempimpinan Tun Mahathir	
3.1.1 Perlaksanaan Dasar Sistem Kad Perakam Waktu (KPW)	40
3.1.2 Perlaksanaan Dasar Kempen "Kempimpinan Melalui Teladan"	43
3.1.3 Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)	47
3.1.4 Perlaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)	50
3.1.5 Perlaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam	
Dalam Pentadbiran	52
3.1.6 Perlaksanaan Wawasan 2020	54
3.2 Faktor Pelaksanaan Dasar Islam Oleh Tun Mahathir	
3.2.1 Pencapaian Dalam Bentuk Reformasi Islam	56
3.2.2 Kontroversi Islam Politik	57
3.2.3 Disiplin Dalam Diri Tun Dr Mahathir	58
3.2.4 Semangat Nasionalisme Yang Tinggi	59
3.3 Kesimpulan	60

### **BAB 4 : KESAN PERLAKSANAAN DASAR-DASAR TUN MAHATHIR**

4.1 Implikasi Terhadap Politik	
4.1.1 Menstabilkan Sistem Politik Negara	61
4.1.2 Membangunkan Negara Menerusi Acuan Sendiri	62
4.1.3 Mendapat Tentangan Daripada Democratic Action	
Party (DAP)	63
4.1.4 Kerenggangan Hubungan Malaysia – Britain	65
4.2 Implikasi Terhadap Ekonomi	
4.2.1 Meningkatkan Kadar Keluaran Negara Kasar	66
4.2.2 Memperbaiki Jurang Kemiskinan Rakyat	67
4.3 Implikasi Terhadap Sosial	
4.3.1 Peningkatan Pendidikan Bumiputra	68

4.3.2 Meningkatkan Budaya Kerja Cemerlang	70
4.3.3 Menghasilkan Masyarakat Yang Maju Dan Seimbang Dengan Keperluan Spritual	71
4.3.4 Kewujudan Isu Polarisasi Kaum	73
4.4 Kesimpulan	74

## **BAB 5 : PERBINCANGAN, KESIMPULAN, CADANGAN**

5.0 Perbincangan	
5.1 Perbincangan Penulisan Bab 1 Hingga Bab 4	
5.1.1 Perbincangan Bab 1	76
5.1.2 Perbincangan Bab 2	77
5.1.3 Perbincangan Bab 3	78
5.1.4 Perbincangan Bab 4	78
5.2 Perbincangan Objektif Kajian/ Fokus Utama Kajian	
5.2.1 Mendalami Latar Belakang Tun Dr Mahathir Mohamad	79
5.2.2 Pelaksanaan Dasar Oleh Tun Mahathir Selaras Dengan Konsep Islam	81
5.2.3 Implikasi Pelaksanaan Dasar Yang Dibawakan Oleh Tun Mahathir	82
5.3 Kesimpulan Keseluruhan	83
5.4 Cadangan	86
<b>RUJUKAN</b>	87
<b>LAMPIRAN</b>	94

## SENARAI FOTO


		Halaman
Foto 1 :	Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar Kedah	22
Foto 2 :	King Edward VII Collage of Medicine, Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1947	23



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>BN</b>	-	Barisan Nasional
<b>DAP</b>	-	Democratic Action Party
<b>DEB</b>	-	Dasar Ekonomi Baru
<b>DPN</b>	-	Dasar Pembangunan Nasional
<b>FELDA</b>	-	Federal Land Development
<b>FELCRA</b>	-	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
<b>GDP</b>	-	Gross Domestic Products
<b>IBM</b>	-	International Business Machines
<b>MARA</b>	-	Majlis Amanah Rakyat
<b>MCA</b>	-	Malaysian Chinese Association
<b>MSC</b>	-	Koridor Raya Multimedia
<b>NAM</b>	-	Non- Aligned Movement
<b>UIA</b>	-	Universiti Islam Antarabangsa
<b>UMNO</b>	-	United Malayan National Organisation
<b>KDNK</b>	-	Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar
<b>KPW</b>	-	Kad Perakam Waktu
<b>KLCC</b>	-	Kuala Lumpur City Centre
<b>MBBS</b>	-	Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan
<b>MU</b>	-	Malayan Union
<b>OIC</b>	-	Organisation of Islamic Cooperation
<b>PBB</b>	-	Persatuan Bangsa Bersatu
<b>PMK</b>	-	Persatuan Melayu Kedah
<b>R&amp;D</b>	-	Penyelidikan dan Pembangunan
<b>RISDA</b>	-	Rubber Industry Smallholder Development Authority
<b>RRJP2</b>	-	Rancangan Jangka Panjang Kedua



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan Kajian

Kajian ini merangkumi pengenalan kajian yang akan menyentuh berkaitan dengan definisi pemimpin dan kepimpinan, ciri – ciri seorang pemimpin berserta gaya kepimpinan secara umum, skop tugas seorang pemimpin, falsafah pemikiran Tun Mahathir, lambang atau ciri yang menjelaskan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, dasar - dasar yang diwujudkan serta diperjuangkan oleh Tun Mahathir. Selain itu, kajian ini akan memfokuskan faktor atau sebab yang menjadikan titik keberanian dan permulaan Tun Mahathir melaksanakan dasar - dasar yang berkonsepkan dan bercirikan Islam. Seterusnya memberikan sedikit sentuhan analisis melalui implikasi kewujudan pelaksanaan dasar oleh Tun Mahathir. Segalanya akan dirungkaikan dan dileraikan melalui penulisan kajian tersebut.

#### 1.1.1 Definisi Pemimpin

Konsep pemimpin umumnya diketahui berasal daripada perkataan asing yang dikenali sebagai "*leader*" yang membawa maksud seorang individu yang mempunyai kekuatan dari segi kemampuan untuk menyelenggarakan sesuatu kegiatan dalam sebuah organisasi, untuk memastikan penyelenggaraan dan pengaturan dalam sesebuah organisasi tersebut adalah bersandarkan kepada matlamat dan membentuk organisasi yang efisien. Dalam erti kata lain, pemimpin merupakan individu yang mengatur dan melakukan percaturan dalam sebuah organisasi, yang melibatkan skop tugas pembahagian kerja secara menyeluruh dalam sebuah organisasi. Justeru pengertian pemimpin secara umum, membawa

maksud yang menjurus kepada seorang ketua iaitu induk utama yang berkemampuan besar untuk membentuk sebuah organisasi dalam sebuah pentadbiran.

Terdapat beberapa pendekatan dan pengertian pemimpin yang dikemukakan oleh beberapa orang tokoh. Antaranya ialah Kouzes, yang menyatakan bahawa pemimpin merupakan seorang yang visioner, iaitu seseorang yang mempunyai persiapan dan kesediaan dalam melangkah ke sesuatu situasi yang tidak diketahui.<sup>1</sup> Beliau juga berpandangan bahawa pemimpin merupakan seorang insan yang mempunyai matlamat yang nyata dan jelas untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan tugas utama dan peranan sebagai seorang pemimpin.<sup>2</sup> Berdasarkan kepada pendekatan definisi tersebut, memperjelaskan bahawa pemimpin merupakan seseorang individu yang mempunyai kekuatan dan kecukupan iaitu persiapan lengkap dari sudut kepimpinan, untuk melangkah ke dalam alam pentadbiran, dan seseorang yang mempunyai visi yang jelas untuk membentuk dan menjadikan sesebuah organisasi terbentuk dengan jayanya.

Selain itu, Kartini Kortono turut memberikan pendedahan kepada definisi pemimpin. Kortono mendefinisikan pemimpin merupakan seseorang yang secara peribadinya mempunyai keunggulan tertentu secara tersendiri, yang menjadikan kewibawaan dan keunggulan tersebut menjadi agenda utama untuk menggerakkan orang lain dalam sebuah organisasi pentadbiran.<sup>3</sup> Tujuannya adalah untuk melakukan usaha secara bersama demi mencapai sasaran dan tujuan.<sup>4</sup> Justeru perkara ini adalah sejajar dengan pendapat Miftha Thoha dalam penulisan bukunya yang bertajuk "Prilaku Organisasi" yang turut menyatakan definisi seseorang yang bergelar pemimpin adalah seseorang yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi orang lain tanpa memperlihatkan bentuk alasan.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Kouzes M. James & Posner Z. Barry, *Kredibilitas (Terjemahan)*, Jakarta: Professional Book, 2004, hlm. 17.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Kortono, Kartini, *Kepimpinan: Apakah Kepimpinan Abnormal itu?*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2005, hlm. 51.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Miftha Thoha. *Perilaku Organisasi, Konsep Dasar dan Aplikasinya*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2004, hlm. 55.

Seterusnya ialah definisi pemimpin menurut Islam. Menurut Islam pemimpin merupakan ahli dalam sebuah organisasi yang diberikan jawatan dan dengan jawatan tersebut, pemimpin akan melaksanakan amanah dan tanggungjawab bagi mengetuai organisasi tersebut bagi mencapai matlamat organisasi yang cemerlang.<sup>6</sup> Dalam pada masa yang sama, kejituan dan kemampuan pemimpin dalam memimpin sebuah organisasi akan menjadi panduan dan etika di dalam budaya organisasi.<sup>7</sup> Maka secara tidak langsung perkara ini memperjelaskan bahawa pemimpin adalah individu yang menggalas amanah besar dalam memperihalkan dan membudayakan organisasi yang cemerlang.

Seterusnya ialah definisi kepimpinan, kepimpinan ialah proses pengaruh dalam kumpulan dan struktur sosial, pertukaran perhubungan, ciri yang melibatkan personaliti, sebarang pelakuan dan sebagai cara kepada pencapaian matlamat. Perkara ini merujuk kepada istilah yang dimudahkan iaitu, kepimpinan adalah bentuk kuasa autoriti, pengurusan, perihal pentadbiran dan kawalan yang dilakukan oleh seorang pemimpin dalam sebuah organisasi.<sup>8</sup> Disamping itu juga, kepimpinan secara amnya diketahui sebagai seni mempengaruhi seseorang untuk mendapatkan jalinan kerjasama daripada orang lain, bagi memenuhi sesuatu matlamat. Oleh itu, kepimpinan memberikan maksud sebagai satu cara pentadbiran dan interaksi dalam keahlian sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu matlamat dalam pengurusan dan pentadbiran.

Berdasarkan kepada penjelasan definisi pemimpin dan kepimpinan mengikut pandangan tokoh, maka secara tidak langsung pengkaji memberikan kesimpulan terhadap definisi bagi kedua aspek secara keseluruhannya. Pemimpin merupakan individu yang mempunyai keunggulan dan kredibiliti tersendiri yang mampu mengerakkan amanah dan tanggungjawab sebagai pemimpin dalam sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat tertentu, melalui kerjasama dan sokongan

---

<sup>6</sup> Dzulfida A Razak, et.al, Ciri – Ciri Kepimpinan Islam, Hubungannya Terhadap Komitmen Organisasi, *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3(3), 1-15, 2015, hlm. 4.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Baharuzaini Baharin, et.al, Gaya Kepimpinan Guru Besar Dan Tahap Efikasi Guru, *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 2016, 9 -17, hlm. 11 - 12.

daripada keahlian di bawah seorang pemimpin. Manakala kepimpinan merupakan cara seseorang pemimpin untuk menyelia dan mengawal ahli di dalam organisasi untuk bergerak seiring dengan kemahuan bagi mencapai matlamat sesebuah pentadbiran. Oleh itu, pemimpin dan kepimpinan perlu bergerak seiringan bagi mewujudkan sebuah sistem organisasi yang komprehensif, interaktif dan dinamik. Menjadi seorang pemimpin, tidak hanya terletak kepada kuasa nama, justeru pemimpin merupakan tonggak kepada kepimpinan negara, yang akan mencorakkan masa depan negara.

### **1.1.2 Elemen Asas Proses Kepimpinan**

Tanggungjawab pemimpin merupakan amanah besar yang perlu digalas, oleh yang demikian terdapat empat elemen asas yang dijadikan panduan kepada proses kepimpinan. Elemen asas proses kepimpinan yang pertama ialah pengikut. Setiap daripada seorang pemimpin mempunyai jumlah pengikut yang berbeza, dan kadar kebanyakan pengikut bagi setiap pemimpin adalah mengikut cara dan pendekatan yang digunakan oleh seseorang pemimpin. Justeru itu, salah satu daripada alternatif yang digunakan bagi mengekalkan kesetiaan kedudukan dan keadaan pengikut bagi setiap pemimpin adalah dengan menyatakan matlamat iaitu misi sesuatu organisasi pentadbiran dengan jelas, justeru perkara ini juga perlu diikuti dengan cara menyampaikan sesuatu matlamat kepada organisasi dengan baik.<sup>9</sup> Oleh yang demikian, pengikut merupakan elemen asas dalam proses kepimpinan bagi mendapatkan sokongan dan kepercayaan semasa menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin.

Elemen kedua ialah pemimpin, seorang pemimpin seharusnya memahami dan mendalami cara dan peranan seorang pemimpin untuk membimbing orang lain iaitu, ahli kepada sebuah organisasi dalam sebuah pentadbiran. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemimpin seharusnya mempunyai kemahiran dalam sesuatu hal, sebagaimana yang dikatakan oleh Kouzes dan Posner:

---

<sup>9</sup> Al Ramaiah, *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn.Bhd, 1999, hlm. 179.



“Salah satu daripada set kemahiran dan segala set kemahiran yang perlu diasah, diperkuat dan ditingkatkan apabila kita mempunyai motivasi dan keinginan yang betul diikuti dengan amalan, tindak balas dan bimbingan”.

(Kouzes & Posner, 2002:329)<sup>10</sup>

Seterusnya elemen asas proses kepimpinan yang ketiga ialah komunikasi. Komunikasi merupakan medium utama untuk menyampaikan maklumat daripada pengirim terus kepada penerima. Justeru itu komunikasi turut memainkan peranan utama sebagai cara menghubungkan kelompok – kelompok dalam masyarakat, menerusi isu yang dibincangkan.<sup>11</sup> Oleh yang demikian dalam aspek kepimpinan, komunikasi merupakan elemen asas yang melibatkan hubungan dua hala, iaitu antara pemimpin dan pengikut. Perkara ini adalah berkait dengan kemajuan corak kepimpinan seorang pemimpin, ini kerana, komunikasi yang baik akan mewujudkan sebuah organisasi yang cemerlang.<sup>12</sup>

Elemen keempat ialah situasi, kepimpinan merupakan struktur keperluan yang mendasari individu yang memotivasikan tingkah lakunya dalam sebuah situasi kepimpinan.<sup>13</sup> Oleh yang demikian perkara, ini memperjelaskan bahawa, pemimpin perlu bijak untuk menguasai elemen keempat tersebut, bagi memudahkan pemimpin untuk memimpin organisasinya mengikut kesesuaian waktu dan situasi. Oleh itu, perkara ini dikatakan demikian kerana, setiap daripada pemimpin mempunyai persekitaran dan situasi yang berlainan, oleh itu kebijaksanaan menguasai situasi adalah elemen keempat yang bertepatan sebagai asas dalam proses kepimpinan.

---

<sup>10</sup> Kouzes, J.M & Posner, B.J, *Leadership Challenge*, San Francisco: Jossey – Bass, 2002, hlm. 329.

<sup>11</sup> Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad, *Pengantar Komunikasi*, Sintok Kedah: UUM Press, 2015, hlm. 3.

<sup>12</sup> Kouzes, J.M & Posner B.J, *Op.cit*, hlm. 329.

<sup>13</sup> Aminuddin Mohd Yusof, *Kepimpinan, Motivasi dan Prestasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1994, hlm. 13.

### 1.1.3 Jenis – Jenis Kepimpinan

Kepimpinan merupakan sebuah cara dan corak yang menjadi aspek utama yang penting untuk menggerakkan sebuah unit organisasi pentadbiran. Oleh hal yang demikian, gaya kepimpinan turut menjadi aspek yang mempengaruhi keberkesanaan dan kejayaan sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, corak kepimpinan yang baik bergantung kepada pengamalan gaya kepimpinan seseorang pemimpin, justeru terdapat beberapa jenis kepimpinan mengikut pemimpin, iaitu demokratik, autokratik dan *laissez - faire*.

Seorang pemimpin yang menggunakan kaedah kepimpinan demokratik merupakan seorang pemimpin yang meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada setiap orang dalam melakukan segala tindakan. Gaya kepimpinan demokratik lebih kepada perundingan secara bersama, disamping itu gaya kepimpinan demokratik turut memberikan kelonggaran kepada ahli bawahannya untuk melakukan sebarang tindakan dan keputusan mengikut kepakaran dan kebijaksanaan masing-masing.<sup>14</sup> Pemimpin yang menggunakan jenis kepimpinan demokratik diklasifikasikan sebagai seorang pembimbing yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemimpin yang menggunakan gaya kepimpinan demokratik dalam kepimpinannya, akan menyedari tanggungjawab sebagai seorang pemimpin selaku penyelaras tugas dalam sebuah unit, dan meletakkan tanggungjawab secara bersama dengan anggota unit organisasi.<sup>15</sup>

Seterusnya ialah gaya kepimpinan autokratik yang lebih dikenali sebagai gaya kepimpinan kuku besi. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepimpinan autokratik hanya memberikan ruang untuk pemimpin sahaja, dalam melakukan segala perihal dan tindakan, disamping mementingkan kedudukan sebagai seorang yang berkuasa.<sup>16</sup> Secara kesimpulannya jenis kepimpinan autokratik merupakan corak kepimpinan yang hanya meletakkan kuasa dan pemerintahan pada pemimpin semata - mata, dan gaya kepimpinan tersebut dianggap sebagai kepimpinan yang

---

<sup>14</sup> Rosnah Abdullah, et.al, Gaya Kepimpinan Guru Besar dan Efikasi Guru Di Sekolah Kebangsaan Taman Semarak, Nilai Negeri Sembilan, *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (1), 1-11, 2018, hlm. 5.

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> *Ibid.*

bersifat ketinggalan zaman, dan tidak disukai ramai pihak. Namun hakikatnya, masih terdapat beberapa golongan pemimpin yang menggunakan kepimpinan autokratik, justeru kadang kala kepimpinan autokratik turut digunakan mengikut keadaan tertentu, yang memerlukan ketua dalam sebuah unit untuk meletakkan keputusan.<sup>17</sup>

Seterusnya ialah kepimpinan *laissez - faire* yang dikenali sebagai kepimpinan bebas. Hal ini dikatakan demikian kerana, gaya kepimpinan *laissez - faire* merupakan bentuk kepimpinan pemimpin yang memberikan hak kebebasan sepenuhnya, kepada ahli bawahan dalam melaksanakan sebarang keputusan.<sup>18</sup> Perkara ini berlaku disebabkan oleh pemikiran seorang pemimpin yang melihat ahli dalam organisasinya sebagai seorang yang matang, dalam mengendalikan sesuatu hal sama ada baik dan buruk, justeru hanya mengharapkan matlamat yang dipersetujui akan tercapai.<sup>19</sup> Namun hakikatnya, kepimpinan *laissez - faire* kadang kala memperlihatkan satu kelemahan yang nyata dalam sebuah unit, yang dianggap sebagai kepimpinan bersahaja tanpa ketua dan bekerja mengikut haluan dan kebijaksanaan masing - masing. Justeru itu, kepimpinan *laissez - faire* yang mudah dan banyak menimbulkan permasalahan dalam sebuah organisasi, jika dilaksanakan dalam unit yang besar. Hal ini kerana, perkara ini dinilai menerusi keadaan dan jumlah keputusan yang diambil dalam sebuah unit yang besar dan kompleks, yang menyatakan bahawa kepimpinan *laissez - faire* tidak sesuai digunakan dalam sebuah unit yang besar.

---

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 6.

<sup>19</sup> *Ibid.*

## 1.2 Permasalahan Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang umumnya diketahui merupakan sebuah negara Islam, justeru dalam aspek pembangunan, politik dan sebagainya kurang memperlihatkan dan menyatakan tentang aspek ataupun dasar yang memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Oleh yang demikian, perkara ini memberikan satu penekanan kepada sebuah kajian yang akan memperlihatkan dan memperincikan kepada beberapa aspek. Kajian ini bertunjangkan kepada permasalahan utama berkaitan dasar Islam yang dilaksanakan dalam pentadbiran Tun Mahathir yang telah berjaya membawa imej Tun Mahathir sebagai pemimpin moderat moden Islam. Ini kerana, imej Islam bukan sahaja berjaya ditonjolkan dalam konteks yang tradisional namun turut terdapat dalam konteks moden, progressif dan sesuai dengan keadaan waktu.

Pertamanya, penyelidikan ini merupakan sebuah kajian yang bersandarkan kepada sebuah corak dan ungkapan yang mengatakan kepimpinan Tun Mahathir Mohammad sebagai seorang pemimpin yang liberal dan sekular, serta sikapnya yang anti terhadap Islam. Namun demikian dalam pada masa yang sama, Tun Mahathir juga dikatakan sebagai seorang pemimpin yang membentuk personaliti pemimpin Islam di peringkat antarabangsa, sehingga mendapat sokongan daripada luar pemimpin Islam. Maka secara tidak langsung perkara ini menyebabkan pengkaji ingin mengkaji dan menelusuri siapakah sebenarnya Tun Mahathir dan mendalami faktor yang menjadikan beliau selaku pemimpin yang berpengaruh.

Seterusnya pembangunan dan kebangkitan dasar Islam dikatakan bermula pada era 1980an yang dikaitkan dengan kehadiran dan kewujudan Tun Mahathir dalam dunia kepimpinan negara, justeru perkara ini membangkitkan kepada permasalahan kajian, apakah dasar yang diperkenalkan oleh Tun Mahathir semasa era pentadbiraanya, yang diseleraskan sebagai dasar Islam. Oleh hal yang demikian, kajian tersebut, akan memperlihatkan berkaitan dengan dasar Islam yang diperlihatkan oleh Tun Mahathir sebagaimana yang dikaitkan dengan kehadiran beliau dalam pentas pentadbiran negara Malaysia, sebagai pemula

kebangkitan dasar Islam. Hal ini kerana, perkara ini merupakan sesuatu yang menarik untuk dibahaskan dengan meneliti dasar Islam yang diperkenalkan oleh Tun Mahathir, yang dikatakan selaras dengan konsep Islam atau sebaliknya, justeru perkara ini adalah untuk memperlihatkan dan menilai kesungguhan beliau untuk membangkitkan konsep ataupun dasar Islam dalam sebuah pentadbiran.

Selain itu juga, kajian ini memfokuskan kepada faktor yang mendorong Tun Mahathir untuk memilih dan membentuk pembangunan negara berasaskan Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, meskipun Tun Mahathir merupakan seorang pemimpin negara yang terkenal, namun tidak terdapat kajian yang membahaskan tentang faktor yang membentuk dan menggerakkan Tun Mahathir, untuk melaksanakan dasar Islam. Ini kerana, pengkaji umumnya mengetahui, bahawa Tun Dr Mahathir mempunyai pemikiran dan falsafah sendiri, yang sememangnya tidak mudah dilentur dan dipengaruhi dengan mudah.

Setelah melakukan penelitian berkaitan dasar, serta faktor yang mendorong Tun Dr untuk melaksanakan dasar- dasar Islam semasa pentadbirannya. Maka secara tidak langsung, pengkaji ingin mendalami, kesan daripada pelaksanaan dasar Islam yang diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir, baik dari segi ekonomi, sosial dan politik. Oleh itu, fokus lain pengkaji dalam kajian adalah untuk melihat dan memahami kesan pelaksanaan dasar yang berkonsepkan dan menepati ciri Islam yang dilakukan oleh Tun Mahathir.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Dalam kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa persoalan yang ingin dihuraikan oleh pengkaji. Antaranya:-

- a) Siapakah Tun Mahathir dan mengapa beliau menjadi seorang pemimpin yang berpengaruh serta hebat dalam idea pemikiran.
- b) Apakah dasar yang dilaksanakan yang dibawakan oleh Tun Mahathir yang berasaskan nilai dan konsep Islam.

- c) Apakah faktor yang mendorong dan mengerakkan Tun Mahathir untuk beralih kepada dasar pembangunan yang menerapkan dan berkonsepkan Islam.
- d) Apakah kesan terhadap pelaksanaan dasar yang menerapkan nilai Islam yang diperkenalkan oleh Tun Mahathir dalam aspek ekonomi, politik dan sosial.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada objektif tersebut:-

- i) Mengkaji dan mendalami biodata Tun Mahathir sehingga beliau menjadi seorang pemimpin yang hebat.
- ii) Mengenal pasti pelaksanaan dasar Tun Mahathir yang berkonsepkan Islam dan beberapa faktor yang mendorong Tun Mahathir untuk membentuk dasar pembangunan dan kepimpinan yang berteraskan kepada Islam.
- iii) Meneliti dan menilai kesan pelaksanaan dasar yang dibawakan oleh Tun Mahathir yang bertemakan Islam, dengan meliputi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi dan sosial.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Melalui kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan manfaat kepada pengkaji, masyarakat dan negara. Antara kepentingan kajian yang dijalankan ialah:-

- a) Untuk memberikan pendedahan kepada generasi muda khususnya untuk mendalami corak kepimpinan di Malaysia yang berteraskan Islam, dengan

memahami perkaitan antara pembangunan yang berasaskan Islam sebagai satu asas dasar pembangunan. Ini kerana, Malaysia adalah negara yang dikategorikan sebagai negara Islam, maka wajar kita mendalami dunia dan kisaran politik Islam negara sebagai satu lambang yang membuktikan kita adalah negara Islam.

- b) Memberikan ruang perkongsian kepada analisis terhadap dasar kepimpinan di masa akan datang dan pembangunan berasaskan Islam yang akan membantu kepada percambahan idea untuk pembangunan yang seimbang dan harmoni.
- c) Sebagai satu perkongsian ringkas untuk mendalami dan meneliti sejauhmanakah kepimpinan dan pelaksanaan dasar Islam yang dibawakan oleh Tun Mahathir adalah memberikan impak yang baik atau sebaliknya, yang diteliti selama mana pemerintahan beliau bermula 1998 hingga 2003.

## **1.6 Sorotan Literatur**

Dalam bahagian sorotan literatur, pengkaji akan memperlihatkan beberapa contoh-contoh hasil kajian lepas tentang Tun Mahathir yang bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk pengkaji. Tidak dinafikan bahawa hasil dapatan dan pembacaan sorotan literatur berdasarkan kepada beberapa hasil karya yang ditemui, membantu kepada pengkaji untuk mendapatkan sumber-sumber sokongan dapatan kajian, serta membantu memudahkan pemahaman Pengkaji terhadap kajian. Pengkaji membahagikan sorotan literatur kepada beberapa tema mengikut keutamaan kajian.

### **1.6.1 Tema 1: Latar Belakang Tun Mahathir**

Terdapat beberapa sorotan melalui rujukan berdasarkan kajian - kajian lepas yang berkaitan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji antaranya ialah sebuah karya penulisan daripada Muhammad Nur Azimi Bin Azizan, yang bertajuk "Peranan dan Sumbangan Tun Mahathir Dalam Pembangunan Pendidikan Tinggi

Masyarakat Melayu".<sup>20</sup> Penulisan tersebut adalah memperihalkan dan menjelaskan berkaitan dengan isu cetusan idea Tun Mahathir yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020, justeru cetusan idea tersebut adalah berkait rapat dengan aspirasi wawasan yang dicipta oleh Tun Mahathir iaitu wawasan 2020. Tun Mahathir merupakan salah seorang daripada perdana Menteri Malaysia yang keempat, dan terkenal dengan kesejarahannya sebagai seorang pemimpin Malaysia yang memegang tampuk pemerintahan selama 22 tahun. Tampuk pemerintahan Tun Mahathir bermula pada 16 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003. Hal ini dikatakan demikian kerana tempoh pemerintahan selama 22 tahun merupakan tempoh pemerintahan yang sangat lama, justeru rekod tersebut belum pernah ditandingi oleh mana-mana perdana Menteri Malaysia hingga ke hari ini. Sepanjang pemerintahan Tun Mahathir, terdapat pelbagai dasar yang dilakukan untuk mengubah dan membangunkan rakyat Malaysia. Sebagai contoh melaksanakan Dasar Pendidikan, hal ini kerana Tun Dr Mahathir berpendapat bahawa pendidikan mampu memberikan perubahan masa depan kecemerlangan intelektual generasi negara, untuk membentuk masyarakat yang berfikiran kedepan dan berwawasan. Oleh itu tidak menjadi kehairanan jika Tun Mahathir dikenali sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan berwawasan, hal ini kerana beliau menunjukkan gaya kepimpinan yang sangat optimistik untuk menerajui pembangunan negara.

Seterusnya ialah corak pemikiran Tun Mahathir, beliau dikenali sebagai tokoh pemikir dan revolusi. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau mengetengahkan bentuk pemikiran serta tindakan yang radikal dan tidak konvensional. Sewaktu pemerintahan beliau, beliau telah banyak memberikan perubahan yang baik kepada Malaysia melalui beberapa proses yang signifikan. Buktinya beliau menjadikan Malaysia sebagai negara yang menerajui industri penghasilan dan pengeluaran produk. Perubahan pembangunan tersebut berjaya mengubah bentuk pembangunan ekonomi negara Malaysia daripada era pertanian kepada era perindustrian. Disamping itu juga beliau juga membentuk kemajuan negara Malaysia untuk menyelusuri era globalisasi dengan mempergiatkan kegiatan ekonomi yang berpandukan pengetahuan, yang dikenali sebagai dunia tanpa

---

<sup>20</sup> Muhamad Nur Azimi Bin Azizan, Peranan dan Sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad Dalam Pembangunan Pendidikan Tinggi Masyarakat Melayu, (Selangor: Universiti Selangor, Faculty of Education & Social Science, 2017), hlm. 306-307.